

NASYID memberi inspirasi dalam usaha mengembangkan lagu-lagu dakwah yang mengajak manusia ke arah kebaikan



- MOHD JUHAIREE MOHD. JUNAIDIE KHAN

Lagu-lagu nasyid mengajak manusia yang alpa dan lalai dalam memperjuangkan agama Islam



- SHUKRI SAHARI

KEINDAHAN lagu-lagu nasyid dapat meningkatkan kesadaran umat Islam dalam menghayati keindahan Islam



- ALAUDDIN YAHAYA

Pencapaian Intracksee

- Johan Festival Nasyid Universiti (FENU '11) 2011
- Anugerah Vokal Terbaik Festival Nasyid Universiti (FENU '11) (Mohammed Juhairee Junaidi Khan)
- Anugerah Persembahan Terbaik Festival Nasyid Universiti (FENU '11)
- Johan Pertandingan Nasyid Karnival Maher Zain 2011
- Johan Festival Kesenian Islam Kolej Keris Mas UKM 2011
- Naib Johan Festival Nasyid Peringkat Negeri Sembilan 2010 (kategori moden)
- Johan Pertandingan Nasyid Intervarsity Convofest UPNM 2010
- Anugerah Persembahan Terbaik Festival Nasyid Kemerdekaan IPT Peringkat Kebangsaan 2010
- Tempat Ke-3 Pertandingan Nasyid Ekstival Piala
- Johan Pertandingan Nasyid Piala Rabbani 2010 sempena Sambutan Ulang tahun IKIM.FM



AHLI kumpulan Intracksee merangkul piala kemenangan selepas menjuarai Festival Nasyid Universiti (FENU '11) 2011 baru-baru ini.

Intracksee berdakwah melalui nasyid

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK kampus@utusan.com.my

KITA imbas dan renung sejenak sejarah yang panjang dalam arena nasyid tanah air. Irama nasyid mula diminati ramai dengan kemunculan kumpulan Al-Jawahir, El Suraya dan Al-Mizan pada 1970-an, sebelum menyusul kumpulan Nada Murni, sekitar tahun 1980-an.

Pun begitu, scenario kegemilangan industri nasyid mula menjadi fenomena sejak kemunculan kumpulan Raihan yang berjaya menggegarkan negara dengan jumlah jualan album sulungnya, *Puji-pujian* yang mencecah lebih 600,000 unit pada tahun 1996.

Sejak itu, masyarakat mula menunjukkan minat dan kecenderungan mendekati lagu-lagu nasyid. Ia adalah satu perkembangan yang cukup positif. Apa tidaknya, muncul pula nama-nama seperti, Rabbani, Hijjaz, Brothers, In-Team dan kumpulan baru yang tumbuh umpama cendawan selepas hujan.

Namun, pada satu peringkat, kita mula merasai kesuraman genre nasyid ini, bila

mana kurang cerita-cerita mereka terparap di dada-dada akhbar. Tiada lagi dimainkan lagu-lagu mereka di

corong-corong radio.

Menyedari hakikat itu, Urusetia Kesenian Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terpanggil untuk menubuhkan sebuah kumpulan nasyid Intracksee dengan bermatlamat dakwah dan misi memartabatkan kembali genre nasyid di perseada seni tanah air.

Intracksee ditubuhkan dengan bimbingan salah seorang artis dari kumpulan nasyid tanah air NowSeeHeart, Huzaimi Zaini.

Pada awalnya, Intracksee telah mengorak langkah dengan ahli kumpulan yang

kecil namun kumpulan terus berkembang menjadi 10 orang

Intracksee yang diketuai Mohd. Nurhakimi Md. Yaman berkata, kejayaan mereka merupakan hasil titik peluh pelbagai pihak yang komited dalam membawa kembali genre nasyid di USIM dan perseada tanah air.

"Genre ini meliputi kualiti persembahan dan pendekatan kreatif

mengikut peredaran masa memandangkan kebanyakan lirik dan lagu di hasilkan ahli kumpulan Urusetia Kesenian Pelajar USIM," katanya.

Menurut Mohd. Nurhakimi, lagu yang di hasilkan menceritakan tentang umat Islam yang alpa dan lalai dalam memperjuangkan agama bangsa dan negara.

Katanya, sebagai contoh, lagu dan lirik bertajuk *Bangkitlah* hasil ciptaan Shukri Sahari yang mengajak umat Islam bangkit melakukan kebaikan.

Selain itu tajuk lagu *'Seperti Inikah Dunia'* lirik Faiz Aziz yang merupakan pelajar sarjana Sains Komputer USIM, juga Pegawai Kebudayaan USIM Ismail Ahmed yang menceritakan tentang masalah pembuangan bayi yang makin menular dan menjalar dalam masyarakat kita.

Selain itu, untuk memberikan persembahan dari sudut vokal yang mantap ahli Intracksee diwajibkan untuk mengikuti kelas koir yang dipimpin oleh pelajar-pelajar daripada ASWARA.

Mohd. Nurhakimi menambah, Intracksee bakal menerbitkan sebuah album nasyid berkonsepkan 1Malaysia seperti mana gagasan yang telah diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.



MOHD. NURHAKIMI MD. YAMAN



facebook

Helo Kampus